

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 5 (7)

7 Ogos 2026
23 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 44/2026

PEMAKLUMAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-70 (MK70) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah berkenan Majlis Konvokesyen ke-70 Universiti Teknologi Malaysia diadakan pada 14 hingga 19 November 2026 bersamaan 4 hingga 9 Jamadilakhir 1448.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 12/2026 pada 25 Julai 2026 telah menetapkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen ini, semua Ketua Pusat Tanggungjawab adalah diminta untuk menangguhkan sebarang majlis di dalam kampus pada tarikh berkenaan. Jika terdapat sebarang program/aktiviti yang tidak dapat ditangguhkan, Ketua Pusat Tanggungjawab perlulah mendapatkan kelulusan penganjurannya daripada Pendaftar.
3. Keputusan ini adalah bagi meraikan kejayaan graduan dan para tetamu yang hadir. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab juga diminta memberikan kerjasama untuk membenarkan staf bertugas bagi tujuan Majlis Konvokesyen tersebut. Ahli Senat dan Staf Akademik yang dijemput untuk meraikan majlis ini, amatlah diharapkan untuk bersama-sama hadir bagi menjayakan majlis ini.
4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum dan memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang Majlis Konvokesyen ke-70 Universiti Teknologi Malaysia berlangsung.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah